

20 JUL 2000

Kasitah-JUPEM

JUPEM LAKSANA E-DAGANG SECARA TOTAL DENGAN PENJUALAN PETA TOPOGRAFI

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) merupakan agensi kerajaan yang pertama melaksanakan perniagaan E-dagang secara total di seluruh negara dengan penjualan peta topografi melalui Internet.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Kasitah Gaddam berkata penjualan peta topografi melalui Internet memudahkan masyarakat umum dan para profesional mendapatkan peta dengan mudah dan cepat.

Katanya, mereka yang ingin menggunakan perkhidmatan itu hanya perlu mempunyai akaun di bawah JUPEM dan akses kepada laman web JUPEM dan satu kod laluan akan diberi untuk memudahkan urusan pembelian.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis penghargaan persijilan MS ISO 9002 jabatan itu di sini.

Kasitah berkata, tempat-tempat strategik dan sensitif seperti kem tentera tidak disertakan dalam peta itu dan peta-peta itu hanya dikeluarkan dengan kelulusan pihak berkuasa kerana ia membabitkan keselamatan negara.

Majlis pelancaran rasmi E-dagang itu dijangka dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada September atau Oktober ini.

Terdahulu, dalam ucapannya, Kasitah berkata beliau amat berbangga kerana JUPEM sentiasa pro-aktif dalam menyahut saranan dan cabaran dalam merealisasikan hasrat dan perancangan kerajaan untuk meningkatkan taraf perkhidmatan di sektor awam.

Dengan pengiktirafan itu, JUPEM tergolong dalam kumpulan 10 peratus atau 78 daripada 781 agensi kerajaan yang telah berjaya mendapatkan sijil MS ISO 9002.

Persijilan itu ialah untuk penerbitan peta topografi bagi proses pemetaan yang dilaksanakan di ibu pejabat JUPEM dan perkhidmatan ukur kadaster untuk penyediaan dokumen hakmilik tanah bagi proses kadaster yang dilaksanakan di JUPEM Selangor dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Saya difahamkan bahawa JUPEM sedang mengorak langkah untuk meluaskan skop pelaksanaan sistem kualiti MS ISO 9002 ini kepada semua JUPEM Negeri memandangkan 'core business' yang didaftarkan ini juga dilaksanakan di semua JUPEM Negeri," kata Kasitah.

-- BERNAMA

SM FAZ